

'KEADAAN POLITIK DI MELAKA BELUM MEMUASKAN'

Mahathir arah pemberian tanah dibekukan

MELAKA, Khamis — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini keadaan politik di negeri Melaka masih belum memuaskan.

Katanya masih banyak lagi sungsutan-sungsutan dan masalah yang ditimbulkan oleh ahli-ahli UMNO negeri ini.

Bellau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri Melaka yang berlangsung selama empat jam di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri Melaka berkata masalah pemberian tanah telah menjadi perkara yang besar.

Oleh itu, bellau telah mengarahkan Kerajaan Negeri supaya membekukan segala tindakan bersangkutan dengan pemberian tanah di negeri ini.



DR. MAHATHIR

Menurut bellau satu mesyuarat mengenai pemberian tanah di negeri ini akan diadakan tidak lama lagi.

Menjawab satu pertanyaan, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan dalam UMNO memang terdapat perselisihan pendapat tetapi ini adalah satu perkara biasa dalam mana-mana badan politik.

Mengenai tarikh pilihanraya Umum, bellau berkata, "Saya tidak berhak untuk mengumumkan perkara itu dan terpujalah kepada Perdana Menteri Datuk Hussein Onn untuk mengumungkannya."

Sungguhpun begitu UMNO sentiasa bersedia menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa sahja, tegas bellau. Sebagai contoh, katanya, UMNO menghadapi dengan tenang pilihanraya kecil Pontian yang akan dijalankan pengundian tidak lama lagi.

Ini membuktikan UMNO sentiasa bersedia menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa-pun," tegasnya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri dalam mesyuarat hari ini bellau telah mendengar berbagai pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

Katanya, segala pendapat itu akan dipertimbangkan dan segala masalah yang ditimbulkan itu akan diselesaikan.

Mengenai pelabur-pelabur asing yang meninggalkan perusahaan mereka yang mengakibatkan pengangguran di negeri ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan tidak akan mengalakkan lagi pelabur-pelabur kecil menanam modal di sini.

Hanya pelabur-pelabur asing yang terkenal dan besar dan yang berani menanam modal yang besar saja akan digalakkan.

Bellau juga melantik bekas Ketua Bahagian UMNO Batu Berendam Haji Ahmad Manaf untuk mangku jawatan itu semula.

"Perlantikan itu adalah untuk sementara waktu saja dan langkah ini diambil berikutan dengan kematian Allahyarham Datuk Seri Ali Haji Ahmad yang memegang jawatan itu dalam usaha menyelesaikan krisis UMNO Negeri Melaka baru-baru ini."

Tegasnya, pentadbiran UMNO Negeri ini akan disebarkan semula kepada orang-orang Melaka sebaik saja pertikaian dalam parti dapat diselesaikan dan keadaan pulih seperti sediakala.

Hadir sama dalam mesyuarat tersebut ialah Dato Seri Kamaruddin Mat Isa (Ketua bahagian Kota Melaka), Datuk Haji Othman Abdullah (Ketua Bahagian Alor Gajah) dan Datuk Mustapha Jabar (Ketua Bahagian Jasin).

Selepas mesyuarat itu Datuk Seri Dr. Mahathir telah bertemu dengan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari UMNO di tempat yang sama.

No. Sini : 1214
No. Pen : 888/80